

UEM Edgenta Bina Daya Tahan Industri dengan Penyelesaian Penjagaan Kesihatan yang Mampan dan Inovatif

- UEM Edgenta Learning Centre merupakan Pusat Penilaian COVID-19 Swasta pertama di Malaysia yang mampu menempatkan hampir 500 orang pesakit sehari.
- QuickMed, dikelola melalui Edgenta NXT Cloud, adalah penyelesaian penjagaan kesihatan digital berasaskan awan pertama untuk menawarkan kemudahan penjagaan kesihatan dan kebolehcapaian yang lebih baik bagi merapatkan jurang antara penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan dan orang awam.
- UEM Edgenta baru-baru ini telah dianugerahkan kontrak Sistem Pemantauan Kuarantin Di Rumah ("*Home Quarantine Monitoring System*") oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk membantu mengurangkan beban fasiliti penjagaan kesihatan awam.

PETALING JAYA, 24 Ogos – Selaras dengan matlamatnya untuk membina daya tahan industri, UEM Edgenta Berhad ("UEM Edgenta") telah mengukuhkan sokongan terhadap usaha pemulihan negara melalui penyelesaian penjagaan kesihatannya yang mampan dan inovatif, iaitu QuickMed, sebagai nadi penggerak utama Pusat Penilaian COVID-19 Swasta yang pertama di Malaysia di UEM Edgenta Learning Centre ("UELC"), Petaling Jaya.

QuickMed adalah penyelesaian penjagaan kesihatan digital berasaskan awan yang bertujuan untuk meningkatkan kebolehcapaian dan kualiti penjagaan kesihatan dengan merapatkan jurang antara penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan dan orang awam. Platform penjagaan kesihatan pintar yang boleh diakses melalui peranti mudah alih ini menawarkan alternatif bagi sistem pengurusan kesihatan utama kepada klinik perubatan am.

QuickMed yang dilancarkan baru-baru ini bersama platform ekosistem digital pertama UEM Edgenta – Edgenta NXT, telah bergerak pantas untuk bersama-sama memerangi pandemik COVID-19 dengan membolehkan tempahan ujian saringan COVID-19 dibuat secara pandu lalu di dua fasilitinya yang terletak di Petaling Jaya, di mana salah satunya ditempatkan di UELC. Platform tersebut telah menjalani percubaan baru-baru ini untuk membantu syarikat-syarikat lain menguruskan program saringan COVID-19 secara besar-besaran tanpa sentuhan fizikal dan pendaftaran pesakit di CAC Swasta di UELC.

CAC Swasta tersebut yang beroperasi sepenuhnya, telah dibangunkan hasil kerjasama antara UEM Edgenta dan U.n.i.Klinik, sejajar dengan saranan Kementerian Kesihatan Malaysia ("KKM") untuk menggalakkan orang ramai mendapatkan khidmat rawatan di CAC berdekatan bagi mengelakkan kesesakan dan kepadatan yang sedang dihadapi oleh CAC lain. Terletak di bawah Daerah Kesihatan Petaling Jaya, CAC Swasta tersebut telah menyediakan perkhidmatannya kepada orang ramai sejak ianya dibuka secara rasmi pada 16 Julai 2021.

"Kami yakin bahawa penyelesaian penjagaan kesihatan hendaklah dirancang dan dilaksanakan secara mampan untuk jangka panjang. Oleh itu, kami gembira dapat meneruskan sokongan kami dalam memerangi COVID-19 dengan QuickMed, platform pengurusan penjagaan kesihatan digital dalaman kami, terutamanya berikutan lonjakan kes harian baru-baru ini, dengan yang tertinggi direkodkan di Selangor. Alhamdulillah, kami juga bersyukur kerana dapat memperluaskan perkhidmatan dengan cepat dan berskala besar di CAC Swasta sebagai CAC tambahan sekiranya orang ramai memerlukan bantuan," kata Syahrudin Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta, semasa sesi lawatan rasmi ke CAC Swasta yang dianjurkan untuk Dato' Mohd Shafiq bin Abdullah, Ketua Setiausaha, KKM, Dato' Dr. Chong Chee Keong, Timbalan Ketua Pengarah (Kesihatan Awam), KKM, Dato' Indera Dr. Sha'ari bin Ngadiman, Pengarah Kesihatan Negeri Selangor, KKM serta pegawai-pegawai KKM yang lain.

Dalam ucapannya pada majlis tersebut, Dato' Mohd Shafiq berkata bahawa usaha membangunkan teknologi tempatan untuk industri penjagaan kesihatan harus dilihat sebagai sumbangan strategik penting kepada ekonomi negara.

Semasa lawatan tersebut, para tetamu dapat menyaksikan sendiri kemudahan yang terdapat di CAC Swasta termasuk perkhidmatan saringan dan peralatan canggih yang ditawarkan oleh UEM Edgenta untuk menyokong negara dalam memerangi pandemik ini.

CAC Swasta pada masa ini menyediakan perkhidmatan saringan yang menyeluruh, termasuklah penilaian COVID-19, program kuarantin di rumah, perintah pelepasan kuarantin, serta ujian saringan secara pandu lalu dan secara *walk-in*. Pesakit COVID-19 akan dinilai sebelum dihantar ke hospital, Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19, atau diarahkan menjalani kuarantin sendiri di rumah masing-masing.

Dr. Mohamad Afif Fauzan bin Embong, Pengarah Projek U.n.i.KLINIK, berkata, "CAC Swasta ini adalah yang pertama seumpamanya di Malaysia dan kami yakin ia akan memenuhi keperluan penduduk sekitar di daerah Petaling Jaya serta turut dilengkapi dengan perkhidmatan pelanggan yang terbaik untuk memudahkan proses penilaian. Kami amat berbesar hati mengucapkan terima kasih kepada UEM Edgenta kerana telah mengubah suai salah satu fasilitinya yang strategik di daerah ini dan kami berharap ini akan dapat membantu lebih ramai pesakit COVID-19 mendapatkan bantuan yang mereka perlukan."

Baru-baru ini, UEM Edgenta juga telah dianugerahkan kontrak *Home Quarantine Monitoring System* ("HQMS") oleh KKM untuk tempoh 16 bulan, yang disasarkan untuk ditempatkan di tujuh Pusat Penilaian COVID-19 dan tujuh Pejabat Kesihatan Daerah di Lembah Klang dan Seremban, Negeri Sembilan. UEM Edgenta akan membekalkan 30,000 unit tag *Radio-Frequency Identification* ("RFID") dalam bentuk peranti pengesanan elektronik kepada KKM yang akan membolehkan pemantauan berterusan dibuat 24 jam sehari. Perkhidmatan Pemantauan Pasif dan Pengawasan Aktif akan

memastikan pematuhan penuh terhadap perintah kuarantin dengan kerjasama rakan niaga ekosistem tempatan seperti Armadillo Safety Sdn. Bhd. dan Envotech Sdn. Bhd.

CAC Swasta yang selesa untuk kemudahan orang ramai tersebut turut dilengkapi makmal bergerak *Polymerase Chain Reaction* (“PCR”), juga dikenali sebagai *Mobile On-Site Testing Facility* (“MOSTFAC”), sebuah inisiatif UEM Edgenta dengan kerjasama rakan perniagaan untuk membantu kerajaan mempertingkatkan ujian saringan PCR dengan menyediakan fasiliti mudah alih yang membolehkan pengesanan pantas virus COVID-19, serta pengurusan HQMS melalui penggunaan RFID *e-bracelets*.

Sejak bermulanya pandemik ini, UEM Edgenta telah memainkan peranan penting dalam menyokong usaha pemulihan negara dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif mampan, termasuk membangunkan *Epidemic Management System* berasaskan awan untuk KKM dan Pusat Kesiapsiagaan & Respon Krisis Nasional (“CPRC”), dan pada masa yang sama Syarikat juga telah melancarkan Unit Rawatan Rapi di lapangan hybrid (“FHylCU”) untuk membantu dari segi pengurusan kapasiti pesakit di beberapa hospital awam. Syarikat juga telah melancarkan rangkaian penyelesaian perniagaan COVID-19 menyeluruh yang memberi tumpuan kepada keselamatan dan kesihatan di tempat kerja untuk membantu Kerajaan dan warga korporat dalam memerangi pandemik COVID-19.

UEM Edgenta telah dikenali oleh pelanggannya sebagai penyedia penyelesaian penjagaan kesihatan tempatan yang mampu membangunkan penyelesaian jangka panjang untuk hari ini dan esok sejajar dengan visi utamanya mengoptimumkan aset dan meningkatkan taraf kehidupan.

Sebagai syarikat di bawah naungan Khazanah, UEM Edgenta mendukung cita-citanya dalam aspek Persekitaran, Sosial dan Tadbir Urus (“ESG”) melalui kerjasama dengan syarikat-syarikat lain yang dapat bersama-sama menyokong Kerajaan, termasuk KKM, bukan sahaja dalam usaha pemulihan semasa, tetapi juga cabaran masa hadapan. Diperkasakan oleh teknologi dan penggunaan data, UEM Edgenta berhasrat untuk menambah baik infrastruktur penjagaan kesihatan negara menerusi penggunaan sistem, teknologi dan produk yang mampu membina infrastruktur kesihatan awam lebih berdaya tahan, dengan kerjasama KKM.

-Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Sejajar dengan visi 'Edgenta of the Future 2025', perkhidmatan UEM Edgenta yang menyeluruh adalah didorong oleh kepakaran teknologi merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai pemangkin ke arah Syarikat Penyelesaian yang dipacukan oleh Teknologi dengan tumpuan pada perkhidmatan kesihatan menjelang tahun 2025.

UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.

Mengenai Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) Swasta UELC

CAC Swasta beroperasi dari hari Selasa hingga Ahad, bermula jam 9.00 pagi hingga 7.00 malam termasuk cuti umum dan ditutup pada hari Isnin.

Untuk maklumat lanjut berkaitan CAC Swasta, perkhidmatan Ujian Saringan Secara Pandu Lalu serta maklumat pembayaran, sila hubungi talian QuickMed di **+603 2725 8193** atau layari www.quickmed.care/cac/help.